

31/03/1997

Pembangunan rohani tidak diabaikan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Kamarudin Mat Akib

SIK, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan melaksanakan pembangunan serampang dua mata yang menyeluruh, merangkumi pembangunan fizikal dan jiwa bagi mewujudkan masyarakat mulia.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, ketika melaksanakan pelbagai projek pembangunan, termasuk sektor perindustrian, perdagangan dan teknologi maklumat, pembangunan insan turut diberi perhatian supaya kedua-duanya seimbang.

Beliau berkata, pembangunan yang dilaksanakan bukan sahaja bagi memastikan rakyat hidup lebih selesa, malah meliputi usaha mewujudkan insan beriman dan berilmu seperti yang dituntut oleh agama Islam.

Justeru, rakyat diminta menghayati erti pembangunan sebenar yang sedang dilaksanakan kerajaan, iaitu memastikan pembangunan seimbang merangkumi pembangunan jiwa.

Anwar juga berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan sahaja mahu memastikan negara membangun daripada segi fizikal dan jiwa, malah dalam bidang teknologi maklumat yang sedang dilaksanakan menerusi pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Pembangunan fizikal, seperti sekolah dan industri tidak bermakna jika manusia di dalamnya kita robohkan.

"Jangan kita merobohkan manusia (jiwa) ketika melaksanakan pembangunan dan membangunkan rakyat miskin tetapi gagal membangunkan akhlak mereka.

"Sehubungan itu, pembangunan serampang dua mata ini perlu kita hayati, supaya hidup lebih selesa dengan iman dan akhlak Islam yang mulia," katanya di majlis Pemimpin Bersama Rakyat, di Sekolah Kebangsaan Sungai Batang, di sini hari ini.

Turut hadir bersama kira-kira 1,000 penduduk ialah isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang juga Ahli Parlimen Sik.

Mengenai projek Empangan Beris di sini, Anwar berkata cadangan projek itu tetap akan diteruskan, tetapi kerajaan bersedia meneruskan rundingan dengan pemilik tanah yang terbabit dalam rancangan itu.

Menurutnya, kawasan Beris dikenali sebagai lokasi terbaik untuk projek itu hasil beberapa kajian yang dijalankan.

"Kalau boleh kita tidak mahu membina empangan di sini tetapi kita tiada pilihan lagi melainkan mendirikan empangan itu di kawasan ini ... di sini yang terbaik," katanya.

Projek Empangan Beris dijangka meliputi kawasan seluas 1,600 hektar dan menelan belanja kira-kira RM170 juta. Projek itu akan membabitkan pemindahan hampir 3,000 penduduk dari 13 kampung, termasuk Kampung Sungai Batang, Kampung Batu Seketol, Kampung Perangin, Kampung Teneras dan Kampung Batu 54.

Projek itu ditentang sekumpulan penduduk, yang antara lain menuntut pampasan yang lebih tinggi bagi pengambilan alih tanah mereka.

Anwar berkata, kerajaan bersedia untuk mendengar masalah yang dibangkitkan oleh penduduk terbabit, termasuk menimbang tuntutan mereka sekiranya didapati munasabah.

Beliau berkata, kerajaan prihatin dengan sentimen rakyat apabila membabitkan pengambilan tanah.

Bagaimanapun, beliau berkata rancangan kerajaan itu dipersetujui setelah pelbagai usaha dan kajian dijalankan untuk menentukan setiap projek

memberi manfaat kepada masyarakat.
(END)